

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Wednesday, September 18, 2019 4:43 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Manfaatkan Peluang Di Universiti Untuk Asah Kemahiran Insaniah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 SEPTEMBER 2019 / 18 MUHARAM 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Abdul Halim Husain

MANFAATKAN PELUANG DI UNIVERSITI UNTUK ASAH KEMAHIRAN INSANIAH



UUM ONLINE: Pelajar baharu semester pertama ambilan kedua hari ini diingatkan supaya menjadikan universiti sebagai medan terbaik untuk mengasah kemahiran insaniah masing-masing.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali berkata, peluang berada di universiti ini adalah kesempatan terbaik untuk meningkatkan kebolehan masing-masing atau mempelajari perkara-perkara baharu.

"Jangan dilupa, inilah juga masanya untuk anda semua mengasah kebolehan berbahasa Inggeris masing-masing. Dengan adanya pelajar antarabangsa dari pelbagai negara di dalam kelas, peluang untuk berbahasa Inggeris sangatlah tinggi.

"Jangan pernah segan dan malu untuk belajar kerana kita semua tahu dengan kewujudan era Revolusi Industri Keempat atau IR4.0 ini, kepentingan industri mendesak kita untuk mahir

dalam bahasa Inggeris dan menjadi yang terbaik, namun ini bukan bermakna kita meninggalkan bahasa Melayu atau bahasa ibunda masing-masing, tetapi kita perlu mencari ruang untuk memperbaiki diri dan terus mencuba kerana *practice makes perfect*,” katanya pada Majlis Ikrar Minggu Suai Kenal Pelajar Baharu Semester Pertama Sesi 2019/2020 (Ambilan Kedua) di Dewan Serbaguna, Pusat Penginapan Pelajar (SAC), pagi tadi.

Beliau berkata, dengan keperluan pekerjaan yang semakin mencabar kini, pelajar juga boleh menceburi bidang keusahawanan, bidang yang semakin mendapat tempat pada masa sekarang.

Menurutnya, UUM menyediakan ruang dan peluang kepada pelajar untuk berniaga, contohnya di Varsity Mall terdapat 23 premis yang disediakan kepada pelajar untuk disewa, di samping kemudahan berniaga di tempat-tempat lain di sekitar kampus universiti.

“Gunalah peluang ini sebaiknya dan tidak membuang masa dengan perkara yang boleh melalaikan.

“Selain itu, universiti juga sentiasa menerima pandangan dan mendengar sebarang permasalahan yang dihadapi pelajar. Jika terdapat sebarang isu, datanglah berjumpa pihak pengurusan, pintu kami sentiasa terbuka kepada anda semua,” katanya.

Dr. Hendrik juga mengingatkan pelajar agar sentiasa bertanggungjawab pada diri sendiri dan mengamalkan nilai murni sepanjang berada di kampus, malah mengikut teras yang didukung UUM iaitu ‘Ilmu Budi Bakti’ serta menerapkan tiga prinsip asas yang telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia iaitu kasih sayang, kegembiraan dan rasa hormat-menghormati sesama insan dalam diri masing-masing agar dapat menjalani kehidupan yang lebih baik dan tenang.

Seramai 47 pelajar baharu ambilan kedua terdiri 10 lelaki dan 37 perempuan telah melafazkan ikrar di hadapan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang mewakili Naib Canselor dan juga Pendaftar, Baharudin Yaacob.



 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.